

100 pangkalan haram lumpuh

» Pagar keselamatan 121km kekang aktiviti seludup

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu

Melumpuhkan kegiatan penyeludupan di sempadan, menyelesaikan masalah banjir dan hakisan sungai.

Itu tiga fungsi utama pagar keselamatan sepanjang 121 kilometer (km) yang dicadangkan dibina sepanjang Sungai Golok di sempadan Malaysia-Thailand, bermula dari Sungai Mentua, Tumpat hingga Ayer Lanas, Jeli di negeri ini.

Pembinaan pagar keselamatan itu akan menyebabkan penutupan kira-kira 100 pangkalan haram di sempadan yang selama ini menjadi lokasi kegiatan penyeludupan.

Projek berkenaan dicadangkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Kelantan.

Ambil masa 36 bulan

Projek itu akan membabitkan pembinaan pagar konkrit di sepanjang sungai yang menjadi sempadan kedua-dua negara yang dijangka mengambil masa kira-kira 36 bulan.

Antara lain, ia turut membabitkan projek tebatan banjir sepanjang 68km, bermula dari Pangkalan Kubor, Tumpat hingga Rantau Panjang.

Projek itu yang disifatkan sebagai tiga dalam satu, mam-

Cadangan pembinaan pagar keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand



pu menjimatkan kos, pada masa sama menyelesaikan masalah penduduk yang sering berdepan bencana banjir serta kegiatan penyeludupan yang semakin membimbangkan.

Bagaimanapun, kerajaan belum memutuskan secara terperinci projek berkenaan termasuk tarikh pelaksanaan, kos serta ketinggian pagar konkrit.

Bercakap pada sidang media selepas bermesyuarat dengan JPS di sini, semalam, Setiausaha Bahagian Kepolisian dan Keselamatan Sempadan KDN, Datuk Ab Rahim Ismail, berkata pembinaan pagar konkrit itu akan dibuat dengan memperincikan aspek keselamatan, sekali gus tiada lagi istilah penyeludup bolos.

Katanya, pembinaan pagar keselamatan itu akan mampu menyelesaikan masalah banjir

dan kegiatan penyeludupan termasuk senjata api dan minyak di sempadan untuk jangka masa panjang.

Warta lokasi larangan

“Kira-kira 100 pangkalan haram di kawasan sempadan ditutup sepenuhnya dan kawasan itu diwartakan sebagai lokasi larangan sebaik saja pagar keselamatan dibuka.

“Justeru, individu yang mencero boh atau berada di kawasan berkenaan boleh didakwa mengikut Akta Kawasan Larangan dan sebarang aktiviti keluar masuk hanya menerusi Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ).

“Menerusi laluan CIQ, kita boleh memberi perhatian penuh dan memantau aktiviti keluar masuk dan pada masa

sama mampu mengekang aktiviti penyeludupan,” katanya.

Yang hadir sama, Pengarah JPS Kelantan, Mat Rahim Ismail.

Ab Rahim berkata, pembinaan pagar keselamatan itu masih dalam perancangan dan KDN sedang memperincikan maklumat bagi membolehkan ia dilakukan segera.

Katanya, sebaik proses perbincangan selesai dan mencapai kata sepakat, KDN akan membuat tawaran kepada pemilik tanah yang terbabat dengan pengambilan tanah bagi projek berkenaan.

“Secara umumnya, apabila kita membuat tawaran harga, mungkin pemilik tanah tidak bersetuju dan mahu harga yang lebih tinggi, namun perkara ini akan diselesaikan menerusi proses mahkamah,” katanya.

Penduduk menyeberangi Sungai Golok untuk membeli-belah di pekan Mundok, Thailand.

[FOTO HIASAN]



INFO

Pagar keselamatan

- © Bermula dari Sungai Mentua, Tumpat hingga Ayer Lanas, Jeli.
- © Tebatan banjir dibina sepanjang 68km.
- © Mampu menyelesaikan kegiatan penyeludupan, banjir dan hakisan.